



SETIAUSAHA KERAJAAN
NEGERI KEDAH DARUL AMAN

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN
NEGERI KEDAH DARUL AMAN
ARAS 4, BLOK "B" WISMA DARUL AMAN
JALAN TUNKU BENDAHARA
05503 ALOR SETAR
KEDAH DARUL AMAN

Telefon : 04-702 7000
Faks : 04-702 7100
Laman Web : www.kedah.gov.my
E-Mail : suk@kedah.gov.my



Ruj Kami : PSU(K) 600-1434 Jld.10 (67)
Tarikh : 07 Disember 2020
21 Rabiulakhir 1442 H

Semua Ketua Jabatan Negeri Kedah
Semua Ketua Jabatan Persekutuan Negeri Kedah
Semua Ketua Jabatan Badan Berkanun Negeri / Persekutuan
Semua Ketua Jabatan Pihak Berkuasa Tempatan

SS. Dato` Paduka / YAA Dato` / YB / YB Dato` / YBhg. Dato` / Tuan / Puan,

INOVASI BAHARU KEDAH DIGITAL, APLIKASI iKEDAH PEMANGKIN KEPADA PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN YANG SISTEMATIK DAN BERKUALITI

Terlebih dahulu saya mendoakan SS. Dato` Paduka / YAA Dato` / YB / YB Dato` / YBhg. Dato` / Tuan / Puan dan keluarga berada dalam keadaan sihat sejahtera. Selanjutnya, dengan segala hormatnya izinkan saya menarik perhatian SS. Dato` Paduka / YAA Dato` / YB / YB Dato` / YBhg. Dato` / Tuan / Puan kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman SS. Dato` Paduka / YAA Dato` / YB / YB Dato` / YBhg. Dato` / Tuan / Puan, seiring dengan perkembangan Revolusi Industri 4.0, akses kepada perkhidmatan perlu dioptimumkan melalui penggunaan pelbagai peralatan pintar dan sistem berasaskan ICT bagi memastikan pendekatan secara inklusif tercapai untuk memudahkan akses kepada perkhidmatan awam. Inovasi perkembangan ICT kini telah memperlihatkan komitmen Kerajaan Negeri Kedah dalam meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan kepada rakyat dengan menyediakan perkhidmatan yang diyakini.

3. Justeru itu, dalam merealisasikan inisiatif Kedah Digital, Kerajaan Negeri Kedah melalui Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah telah membangunkan aplikasi baharu iaitu iKedah. Aplikasi ini merupakan inovasi baharu bagi menggantikan aplikasi sedia ada iaitu KedahApps. Aplikasi iKedah dilengkapi dengan pelbagai menu perkhidmatan yang memudahkan rakyat untuk berurusan dengan kerajaan secara digital. Selain itu, aplikasi iKedah adalah merupakan platform yang menjadi pemangkin kepada penyampaian perkhidmatan Kerajaan yang lebih sistematik dan berkualiti disamping mempertingkatkan keterhubungan rakyat dengan perkhidmatan dalam talian yang ditawarkan oleh Kerajaan Negeri Kedah.

...2/-



4. Oleh yang demikian, selaras dengan pembangunan aplikasi iKedah, pentadbiran ini memohon kerjasama SS. Dato` Paduka / YAA Dato` / YB / YB Dato` / YBhg. Dato` / Tuan / Puan untuk memaklumkan kepada semua pegawai dan kakitangan di jabatan masing-masing untuk memuat turun aplikasi ini. Bersama-sama ini disertakan **Imbasan Kod QR Untuk Manual Muat Turun dan Panduan Pendaftaran iKedah** seperti di bawah :




5. Diharap agar aplikasi iKedah akan mencapai matlamat utama pelaksanaan Kedah Digital serta dapat meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan kerajaan dengan mengutamakan elemen digital, sekali gus kekal memfokuskan rakyat. Kerjasama dan perhatian SS. Dato` Paduka / YAA Dato` / YB / YB Dato` / YBhg. Dato` / Tuan / Puan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan jutaan terima kasih.

Sekian.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“KEDAH SEJAHTERA-NIKMAT UNTUK SEMUA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO` PADUKA AMMAR BIN DATO` SHAIKH MAHMOOD NAIM,
DPSS., DSDK., JSD., SSS., AMK., AMN., BCK.)